

**A REPENTANCE APPROACH FOR TREATING JUVENILE DELINQUENTS**  
(PENDEKATAN TAUBAT NASUHA DALAM MENANGANI REMAJA BERMASALAH)

Nor Aqliriana Ramli<sup>1</sup>, Azyyati Mohd Nazim<sup>2</sup>

**Abstract**

Adolescent ranking is a time full of problems resulting from changes in psychological, biological and social aspects. This change, sometimes poses challenges and stress to teenagers who are less prepared with their presence. They are not capable of adjusting or accepting such changes easily. The objective of this study is to identify the Nasuha Repetition approach in addressing problematic adolescents. The study is a library study with the Quranic verses and Hadiths as well as the views of several Islamic figures. The findings show that among the forms of Nasuha Taubat's approach is to guide teenagers to know themselves through self-esteem and to seek to transform souls in a better direction.

**Keywords:** Problematic Teenager, Nasuha Repetition, Approach.

**Abstrak**

Peringkat remaja merupakan zaman yang penuh dengan masalah hasil perubahan dari aspek psikologi, biologi dan sosial. Perubahan ini, kadang-kadang memberi cabaran dan tekanan kepada remaja yang kurang bersedia dengan kehadirannya. Mereka tidak berupaya menyesuaikan atau menerima dengan mudah perubahan tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pendekatan Taubat Nasuha dalam menangani remaja bermasalah. Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan berserta dalil-dalil al-Quran dan Hadith di samping pandangan beberapa tokoh Islam. Hasil kajian mendapati bahawa antara bentuk pendekatan Taubat Nasuha ialah membimbing remaja mengenal diri melalui muhasabah diri dan berusaha untuk melakukan perubahan jiwa ke arah yang lebih baik.

**Kata Kunci:** Remaja Bermasalah, Taubat Nasuha, Pendekatan.

## PENGENALAN

Taubat daripada segala dosa yang dilakukan oleh orang beriman semasa dalam perjalanan menuju kepada keredhaan Allah SWT adalah satu kefardhuan agama yang mesti. Setiap manusia di muka bumi ini haruslah sedar dengan kesalahan yang dilakukan dan hendaklah sentiasa melakukan taubat supaya mendapat keredhaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat kelak.

Di samping itu, antara kesan dosa dan maksiat ialah seseorang itu akan berada dalam keadaan sempit dan gelisah akibat daripada perbuatan dosa yang dilakukannya. Ini kerana jiwa sentiasa diburu oleh rasa bersalah terhadap dosa yang dilakukan. Mereka yang melakukan dosa akan disempitkan pemikiran dan perasaan untuk menerima kebenaran.

---

<sup>1</sup> Pelajar siswazah di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (Dakwah), Universiti Sultan Zainal Abidin (Kampus Gong Badak), 21300 Kuala Terengganu, Terengganu; sweet.aqliriana\_90@yahoo.com

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (Dakwah), Universiti Sultan Zainal Abidin (Kampus Gong Badak), 21300 Kuala Terengganu, Terengganu; azyyati@unisza.edu.my

Sebaliknya mereka yang baik akan sentiasa terdorong untuk melakukan kebaikan seperti yang dianjurkan dalam Islam. (Rasid Muhammad, 2013: 72)

Selain itu, kesan dosa juga akan merosakkan hati. Hati akan menjadi gelap dan tidak mengenal perkara yang makruf dan tidak mencegah kemungkaran, melainkan hanya mengikut hawa nafsunya. Ini terjadi kerana hati seseorang itu telah rosak dan mati. (Rohidzir Raais, 2011: 65)

Kesan dosa yang lain ialah malas mengerjakan ibadat. Pelaku maksiat lebih selesa melakukan dosa berbanding ibadat kerana maksiat penuh dengan keseronokan sedangkan ibadat memerlukan mujahadah. Kesan yang seterusnya ialah jauh daripada rahmat Allah SWT. Jika selalu bergelumang dengan maksiat, hati akan mati. Hati yang mati menyebabkan jiwa pelaku maksiat tidak lagi bergantung kepada Tuhannya, malah tidak takut melakukan dosa selama-lamanya. (Ruhana Zaki, 2011: 43)

Alam remaja dikatakan sebagai saat yang rapuh bagi golongan remaja kerana dalam peringkat ini mereka terdedah kepada pelbagai pengaruh serta tekanan luar yang kebanyakannya menjurus kepada perkara negatif. Apabila terpedaya dengan pengaruh negatif, remaja menjadi mudah rosak akhlak sehingga menimbulkan pelbagai masalah. Contoh akhlak remaja bermasalah seperti membunuh, mencuri, penyalahgunaan dadah, rogol dan samun. (Azizi Yahaya et. al, 2012: 29)

Namun begitu, Allah SWT memberi jalan kepada manusia untuk memilih tetap berada dalam dosa atau ingin mendapatkan keampunan kerana setiap manusia yang hidup di muka bumi ini tidak terlepas daripada berbuat dosa. Jika manusia memilih untuk mendapatkan keampunan, maka Allah SWT telah memberi peluang kepada manusia untuk bertaubat. (Maimunah Hasan, 2001: 41)

Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا تُوبُوْا اِلَى اللّٰهِ تَوْبَةً نَّصُوْحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ اَنْ يُكْفِرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ ...

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan taubat yang semurni-murninya, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahanmu...*

*(Surah al-Tahrim 66:8)*

Menurut Shafiyurrahman al-Mubarak Furi (2011: 191) ayat ini membincangkan tentang taubat yang sebenar-benarnya, disertai dengan tekad yang bersungguh-sungguh. Taubat seperti ini pasti akan menghapuskan segala keburukan yang pernah dilakukan serta akan mencegahnya daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang Allah SWT.

Manakala menurut Salahuddin Abdullah et. al (2009: 339) para ulama' menyatakan bahawa Taubat Nasuha ialah taubat yang memenuhi tiga syarat iaitu berhenti daripada melakukan dosa, rasa menyesal atas apa yang telah berlaku dan berazam untuk tidak melakukan semula dosa itu.

Demikian itu, manusia berbeza dengan malaikat yang penuh dengan kesucian dan kemuliaan serta tabiatnya yang selalu patuh dan taat kepada Allah SWT, manakala hakikat manusia berlainan dengan iblis yang derhaka selama-lamanya. Manusia berada di antara kedua-

duanya kerana iman manusia tidak tetap dan mereka mungkin akan terjerumus ke dalam lembah kehinaan dan kederhakaan apabila dihasut oleh iblis. (Hamzah Ya'qub, 2000: 194)

Sebagaimana terdapatnya kisah dalam al-Quran tentang Adam a.s. dan Hawa. Iblis mengumpun Adam a.s. dengan kata-kata manis dan pada masa yang sama berniat jahat untuk mengeluarkan Adam a.s. dari syurga. (Abdul Majid Hakim, 2008: 2) Begitulah kata-kata manis iblis yang berjaya menghasut Adam a.s. dan Hawa supaya memakan buah tersebut.

Selepas melakukan perbuatan maksiat, Adam a.s. dan isterinya baru merasakan betapa pahitnya akibat daripada melakukan perbuatan tersebut. Adam a.s. menerima hukuman dikeluarkan dari syurga dan diturunkan ke bumi dalam keadaan kelaparan, telanjang, gelap dan penuh dengan permusuhan. Adam menangis dan menyesal kerana dosa dan maksiat yang dilakukannya teramat berat, dan tidak boleh dihapuskan kecuali dengan kembali kepada Allah SWT melalui taubat yang sebenar-benarnya iaitu Taubat Nasuha. Apabila Adam a.s. menyedari dirinya hampir celaka, akhirnya Allah SWT memberinya petunjuk agar bertaubat setelah melakukan kemaksiatan dan dosa. (Abdullah Abdurrahman al-'Adawi Nawwarah, 2009: 78-80)

Pengajaran yang diperolehi daripada kisah Adam a.s. dan Hawa ini ialah senjata iblis yang digunakan untuk memerangi bani Adam a.s. tidak lain adalah bisikan dan pujuk rayu. Kedua kisah ini menunjukkan sebuah pernyataan dari Allah SWT bahawa syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia, makna dari sebuah larangan adalah pengharaman, kecuali ada qarinah (alasan) yang mengarahkannya pada hukum makruh. Ketiga kewajipan bagi kaum lelaki dan wanita supaya menutup aurat, dan pengajaran yang terakhir ialah boleh bersumpah atas nama Allah SWT untuk sesuatu yang benar. (Menurut Abu Bakar Jabir, 2010: 43)

## **SOROTAN KARYA**

Al-Ghazali (1994) dalam bukunya yang bertajuk "*Manhaj al-Abidin*" membincangkan tentang akibat-akibat taubat dari segi kenapa wajib bertaubat, pengertian Taubat Nasuha, syarat-syarat taubat, mukaddimah taubat, perbicaraan maksud hadis *annadmu at-taubat* (الندم التوبة), penghalang taubat, jenis-jenis dosa dan cara bertaubat daripada dosa-dosa. Cara bertaubat daripada dosa-dosa tersebut ialah pertama dosa kerana meninggalkan kewajipan-kewajipan Allah SWT (yang difardhukan) ke atas kita seperti sembahyang atau puasa, zakat, kifarah atau selainnya. Cara taubatnya ialah dengan mengqadha'kan kewajipan-kewajipan Allah SWT yang kita tinggal itu. Kedua perbuatan-perbuatan dosa antara kita dan Allah SWT seperti minum arak, memukul segala jenis alat hiburan yang melalaikan hati daripada mengingati Allah SWT. Cara taubatnya ialah dengan merasa menyesal di atas perbuatan-perbuatan dosa yang dilakukan serta tetapkan tekad dalam hati untuk meninggalkan dan tidak mengulangi dosa tersebut. Seterusnya perbuatan-perbuatan dosa di antara kita dengan hamba-hamba Allah SWT (dosa sesama manusia). Cara bertaubatnya adalah dengan meminta maaf kepada tuan empunya badan itu sendiri.

Berdasarkan buku "Ringkasan Ihya' Ulumiddin" oleh al-Ghazali (2010) menjelaskan tentang maksud taubat, kewajipan bertaubat dan syarat-syarat taubat yang diterima Allah SWT. Dalam buku ini, para ulama' telah bersepakat bahawa hukum bertaubat itu wajib kepada setiap umat manusia di atas muka bumi ini.

Mohammad Syakir al-Amin (2010) dalam bukunya yang bertajuk "Kehebatan Taubat dan Rahsianya" menjelaskan tentang taubat dan pengertiannya, keutamaan bertaubat, jangan

pandang remeh terhadap dosa, syarat taubat, cara-cara bertaubat dan antara kisah taubat. Antara cara-cara bertaubat yang digariskan dalam buku ini ialah setelah meninggalkan perbuatan dosa, ada dua perkara yang patut dikerjakan pertama perbuatan yang dilakukan oleh hati (*amalul qalbi*), iaitu menyesal dan bertekad untuk tidak mengulangi lagi dosa yang telah ditinggalkan kerana didorong oleh rasa takut kepada Allah SWT. Seterusnya perbuatan yang dikerjakan oleh anggota badan (*amalul-jawaarih*), iaitu dengan melakukan berbagai jenis kebajikan, di antaranya mengerjakan solat taubat.

Terdapat juga buku “Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam: Punca dan Penyelesaian” oleh Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2003) mengemukakan 15 gejala sosial yang semakin berleluasa di negara ini. Antaranya ialah masalah bohsia, murtad, pembuangan bayi penagihan dadah dan rogol. Paling ketara masalah ini meningkat seiring dengan pembangunan fizikal negara, tanpa mengira di bandar ataupun di kampung. Bagi menjayakan pembentukan negara maju mengikut perspektif Islam maka pelbagai sarana disediakan hasil daripada analisis punca-punca permasalahan.

Manakala dalam buku “Dakwah dan Perubahan Sosial” oleh Fariza Md. Sham. et al. (2000) membincangkan tentang keberkesanan dakwah Islamiyyah bergantung kepada banyak gagasan. Salah satunya ialah gagasan psikologi manusia. Begitu juga dengan proses dan tugas dakwah terhadap golongan remaja yang menjadi aset penting pembangunan ummah. Ia juga membincangkan tentang metod dakwah yang terdiri daripada hikmah dan nasihat yang bijaksana, contoh dan teladan, dan perbincangan, forum dan penerangan yang berkesan. Seterusnya saluran dakwah disampaikan melalui teknologi-teknologi kini yang mungkin mampu menarik lebih ramai penyertaan golongan remaja dan keberkesanannya dapat dipertingkatkan.

Mahmood Nazar Mohamed (2006) dalam buku “Mencegah, Merawat dan Memulihkan Penagih Dadah: Beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia” membincangkan tentang istilah rawatan pada prinsip ialah pembinaan atau bimbingan. Ini kerana penagihan dadah dan kenakalan remaja adalah penyakit rohani yang membawa kepada keruntuhan akhlak. Akhlak itu terdiri daripada 2 unsur iaitu rohani dan jasmani. Jasmani ialah keperluan seperti makan, minum, tempat tinggal, berteman dan lain-lain. Keperluan rohani pula terdiri daripada 2 bahagian iaitu akal (makanan akal ialah ilmu), dan hati atau qalbu (makanan qalbu ialah zikrullah).

Selain itu, terdapat Tesis Sarjana Usuluddin dan Pemikiran Islam “Konsep Taubat Menurut Ibn Qayyim al-Jauziyah” oleh Iksan (2015) mendapati bahawa Konsep Taubat Ibn Qayyim, al-Jauziyah ialah kehendak atau tekad yang kuat daripada seseorang itu sendiri untuk tidak mengulangi dosa-dosanya lagi dan memperbaikinya pada masa yang akan datang, tidak sekadar untuk menebus dosa-dosa yang telah dilakukannya. Menurut Ibn Qayyim al-Jauziyah, seseorang harus melakukan muhasabah sebelum bertaubat kerana muhasabah ini yang akan menyedarkan manusia. Setelah itu taubat harus dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh (Taubat Nasuha) ingin kembali ke jalan Allah SWT iaitu kembali kepada Allah SWT dari kederhakaan kepada ketaatan kepada-Nya dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.


## METODOLOGI KAJIAN

### 1. Reka Bentuk Kajian

#### 1.1 Kajian Perpustakaan

Dalam kajian perpustakaan, penyelidik telah merujuk pelbagai bahan bertulis dan juga bahan kajian terdahulu untuk mendapatkan fakta-fakta serta maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara bahan-bahan yang dirujuk termasuklah al-Quran, hadith, buku-buku, petikan, kertas kerja, tesis dan semua bahan berbentuk penyelidikan.

### 2. Kerangka Konseptual Teori Kajian



**Rajah 1** Kerangka Konseptual Teori Kajian

### 3. Definisi Istilah

#### 3.1 Remaja Bermasalah

Remaja bermasalah ialah remaja yang mempunyai simptom-simptom tingkah laku yang negatif. Mereka juga yang terlibat dalam pelbagai jenis salah laku yang menyimpang dan bertentangan dengan norma dan nilai yang dipersetujui oleh masyarakat berdasarkan kajian (Azyyati Mohd Nazim et. al, 2013:114) yang bertajuk Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur "Remaja Berisiko".

#### 3.2 Taubat Nasuha

Taubat:

Menurut Yusuf al-Qardhawi (2012: 69) perkataan taubat yang berasal daripada himpunan huruf (ت و ب) adalah bererti pulang atau kembali. Taubat kepada Allah SWT dan kembali ke pangkuan-Nya serta berada diambang pintu-Nya.

Nasuha:

Menurut Yusuf al-Qardhawi (2012: 71) Nasah; adalah ungkapan mubalaghah (bersangatan) dari kata “Nasih”, seperti “Syakur” dan “Syabur” yang merupakan ungkapan mubalaghah daripada kata “Syakir” dan “Syabir”. Kata “nasaha” dalam Bahasa Arab bererti “penyucian”. Dikatakan “nasuh al-a’sal” bererti suci madu daripada sebarang campuran yang bermaksud madu suci. “Nasuh” di dalam taubat adalah umpama “nasuh” dalam ibadat yang bererti bebas daripada sebarang kepalsuan, kekurangan dan kerosakan serta melaksanakannya sesempurna mungkin. “Nasuh” adalah kata lawan daripada kepalsuan.

Taubat Nasuha:

Taubat Nasuha menurut al-Ghazali (1994: 43) ialah taubat yang mencakupi tiga syarat iaitu:

1. Meninggalkan dosa lalu dengan berazam tidak akan melakukan dosa tersebut,
2. Bertaubat dari melakukan dosa dahulu,
3. Meninggalkan dosa lalu kerana takut mengagungkan Allah SWT dan memelihara diri daripada kemurkaan Allah SWT.

## PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Taubat ialah menyeru dan mengajak seseorang kepada kebaikan. Seseorang perlu menggunakan pendekatan yang sesuai untuk mengajak remaja supaya mereka dapat kembali kepada ajaran yang lurus, di samping dapat memahami konsep taubat. Allah SWT memberi jalan kepada manusia untuk memilih tetap berada dalam dosa atau ingin mendapatkan keampunan. Jika manusia memilih mendapatkan keampunan, maka Allah SWT telah memberi kesempatan kepada manusia untuk bertaubat.

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرِ اللَّهُ فَعَسَىٰ  
 إِيَّاهُ يَصْرِفُونَ ۚ وَمَنْ يَصْرِفْهُ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَأَهُم يَأْتُوا بِهِمْ ۚ وَمَنْ يَصْرِفْهُ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَأَهُم يَأْتُوا بِهِمْ ۚ وَمَنْ يَصْرِفْهُ  
 عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَأَهُم يَأْتُوا بِهِمْ ۚ وَمَنْ يَصْرِفْهُ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَأَهُم يَأْتُوا بِهِمْ ۚ وَمَنْ يَصْرِفْهُ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَأَهُم يَأْتُوا بِهِمْ ۚ

*Maksudnya: Dan (juga) orang-orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau menzalimi diri sendiri, (segera) mengingat Allah, lalu memohon ampunan atas dosa-dosanya, dan siapa (lagi) yang dapat mengampuni dosa-dosanya selain Allah? Dan mereka tidak meneruskan perbuatan dosa itu, sedang mereka mengetahuinya. Balasan bagi mereka ialah ampunan dari Tuhan mereka dan syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Dan (itulah) sebaik-baik pahala bagi orang-orang yang beramal.*

(Surah Ali Imran 4: 135-136)

Setelah kita bertaubat dengan taubat yang sebenar-benarnya, memperbanyakkan istighfar, kita juga harus mengerjakan solat fardhu lima kali sehari semalam, mengerjakan solat Jumaat, berpuasa di bulan Ramadhan serta mengerjakan amalan lain yang diwajibkan oleh

Allah SWT. Amalan-amalan tersebut harus didasarkan dengan iman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya dan berjihad jiwa dan raga di jalan Allah SWT. (Muhammad Isa Selamat, 1998:7)

Menurut Abdul Manam bin Mohamad al-Merbawi, kaedah taubat dapat menangani masalah sosial iaitu dengan Mandi Taubat, iaitu sebagai usaha untuk membersihkan diri (taharah) zahir dan batin iaitu bersih badan dan jiwa. Kedua dengan mendirikan solat (Fardu dan Sunat) yang mana dapat mencegah dari perbuatan keji dan mungkar. Ketiga zikir, dengan berzikir seseorang akan memperoleh kekuatan dalaman dan ketenangan hati. Seterusnya berpuasa, puasa dapat menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang dilarang Allah SWT. Teknik-teknik ini dilaksanakan secara intensif dalam tempoh tertentu, minimanya ialah 40 hari sehinggalah sampai 6 bulan. (<http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/tarekat-tassawuf/162>, Koleksi Kertas Kerja Bina Insan Menerusi Kaedah Spiritual, Abdul Manam Bin Mohamad Al-Merbawi, Universiti Darul Iman Malaysia: Kampus Kusza 10 Jan. 2016)

Remaja bermasalah ialah remaja yang mempunyai simptom-simptom tingkah laku yang negatif. Mereka juga yang terlibat dalam pelbagai jenis salah laku yang menyimpang dan bertentangan dengan norma dan nilai yang dipersetujui oleh masyarakat ini harus diberi pendekatan taubat yang teliti supaya mereka dapat mengikut pendekatan taubat dengan betul. Pendekatan taubat haruslah ditekankan dalam diri remaja supaya remaja tersebut takut untuk melakukan kejahatan.

Apabila mereka diberi pendedahan taubat yang betul, remaja ini akan muhasabah diri. Muhasabah diri adalah jalan mencari segala kelemahan dan kesalahan yang telah dilakukan. Tujuan muhasabah adalah untuk menemui segala kesilapan dan kesalahan seterusnya belajar memperbaiki diri dan tidak mengulangi kesalahan yang sama (Saat Sulaiaman: 2007: 31)

Dengan bermuhasabah akan melahirkan penyesalan dalam hati iaitu taubat. Sebagaimana hadith:

النَّدَمُ تَوْبَةٌ

*Maksudnya: "Penyesalan itu adalah taubat."*

*(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah,  
Ibnu Hibban dan al-Hakim)*

Penyesalan itu berkait dengan pengetahuan (ilmu) yang ada pada diri seseorang, yang mana pengetahuan boleh menyebabkan timbulnya rasa keinsafan dalam diri. Ini kerana dengan adanya ilmu, seseorang itu dapat membezakan di antara perkara baik dan buruk. Penyesalan juga terhasil apabila seseorang mengetahui perbuatan yang mana jika diikuti akan mendatangkan dosa, seterusnya rasa keinsafan akan datang dalam diri. (Johari et. al, 2009 :736)

Selain itu, remaja yang bertaubat juga boleh beristighfar, Istighfar ialah memohon keampunan, atau memohon penghapusan dosa, menghilangkan kesannya dan melindungi dari kejahatannya. Permohonan keampunan hanya diajukan kepada Allah SWT. (Yusof al-Qaradawi, 2012: 104). Istighfar yang hakiki mengandungi taubat sepertimana taubat mengandungi istighfar. Imam Ibn al-Qayyim telah berkata mengenai ayat "Beristighfarlah kamu kepada Tuhan kamu dan bertaubatlah kepada-Nya": "Di sini terdapat dua dosa iaitu dosa yang lalu dan dosa yang ditakuti akan berlaku lagi. Beristighfar darinya ialah memohon perlindungan dari kejahatannya dan dari dosa yang dibimbangnya akan dilakukannya, sementara taubat ialah keazaman untuk tidak melakukannya. Kembali kepada Allah terdiri

dari dua cara iaitu kembali kepada-Nya untuk melindunginya dari kejahatan akan datang yang disebabkan oleh perlakuannya yang buruk. Istighfar juga termasuk dalam kategori menghilangkan kemudharatan, manakala taubat adalah permohonan mendapatkan manfaat". (Yusuf al-Qaradawi, 2012: 107).

Seterusnya perubahan dalam jiwa manusia akan berlaku. Remaja tersebut akan insaf dan akan bertaubat dengan taubat yang sebenar-benarnya iaitu Taubat Nasuha.

## **KESIMPULAN**

Golongan remaja bermasalah ini hendaklah dibimbing ke jalan yang lurus kerana dalam Islam membimbing manusia supaya bertaubat merupakan satu proses yang dituntut Allah SWT kepada setiap muslim. Masalah sosial ini berkait dengan dosa yang membawa kepada kemungkaran. Ini jelas menunjukkan pada kita bahawa setiap kemungkaran itu mengundang kepada dosa dan kita sebagai hamba Allah SWT wajib mencegahnya. Oleh itu, kita sebagai hamba Allah SWT di atas muka bumi ini hendaklah memperingati antara satu sama lain supaya tidak terjebak dalam masalah sosial ini.

Seperti yang sedia maklum, setiap insan di atas dunia ini tidak dapat terhindar daripada dosa, namun Allah SWT adalah Maha Mengampuni dosa-dosa hamba-Nya. Oleh sebab itu hanya kepada Allah SWT setiap orang memohon pengampunan daripada segala dosa. Di samping besar nikmat keampunan Allah SWT, juga besar azab dan seksaan Allah SWT bagi sesiapa yang sentiasa dalam keingkaran. Sebelum pintu taubat ditutup atau sebelum kematian menjemput kita, bertaubatlah dengan segera agar kita tergolong dalam kalangan insan yang diredhai-Nya.

## **PENGHARGAAN**

Kertas ini adalah sebahagian daripada tajuk kajian pelajar dalam Program Sarjana Dakwah Sesi 2015/2016 di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Penghargaan terima kasih kepada pihak Pusat Pengajian Siswazah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) selaku penganjur utama International Postgraduate Research Conference (IPRC 2016).

## **RUJUKAN**

Al-Quran.

- Abdullah Abdurrahman al-'Adawi Nawwarah, penterjemah Yasir Maqosid. (2009). *Tetes-tetes Air Mata Taubat*. Mirqat Publishing.
- Abdul Majid Hakim. (2008). *Panduan Memagar Diri Dari Buruan Syaitan*. Pustaka Ilmi: Selangor.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2003). *Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam: Punca dan Penyelesaian*. Perpustakaan Negara Malaysia: Selangor. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, Jamaludin Ramli & Nurul Ezzati Azizi. (2012) *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja: Punca dan Rawatan*. Edisi Pertama. Universiti Teknologi Malaysia: Kuala Lumpur.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah. (2013). *Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor.
- Dr. H. Hamzah Ya'qub. (2000). *Tingkat Ketenangan Dan Kebahagiaan Mu'min*. Pustaka Nasional: Singapura.
- Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endut. (2000). *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Perpustakaan Negara Malaysia. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/tarekat-tassawuf/162>, 10 Jan. 2016
- Iksan. (2015). *Konsep Taubat Menurut Ibn Qayyim al-Jauziyah*. Fakultas Filsafat Agama Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga: Yogyakarta,.
- Imam Abi Hamid Muhammad al-Ghazali. (1994). *Manhaj al-Abidin*. Percetakan Halim: Terengganu.
- al-Ghazali, Penterjemah 'Abdul Rosyad Siddiq. (2010). *Ringkasan Ihya' Ulumiddin*. Berlian Publications Sdn. Bhd.: Selangor.
- Johari Yaman & Azhari Hj. Ibrahim. (2009). *Bimbingan Mukmin*. Cetakan Pertama. Nadi Minda Resources: Selangor.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2006). *Mencegah, Merawat dan Memulihkan Penagih Dadah: Beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia*. Terbitan Pertama. Perpustakaan Negara Malaysia: Kuala Lumpur.
- Maimunah Hasan. (2001). *Al-Qur'an dan Pengobatan Jiwa*. Bintang Cemerlang: Yogyakarta
- Mohammad Syakir al-Amin. 2010. *Kehebatan Taubat dan Rahsianya*. Pustaka Ilmuwan: Kuala Lumpur.
- Muhammad Isa Selamat. (1998). *Taubat: Amalan dan Penghayatannya*. Darul Nu'man: Kuala Lumpur.
- Rasid Muhammad. (2013). *Menjadi Tetamu Barzakh*. Karya Bestari Sdn. Bhd.: Selangor.
- Rohidzir Raois. (2011). *Inspirasi Khutbah Rasulullah: Mutiara paling Berharga daripada Insan Paling Sempurna*. Karya Bestari Sdn. Bhd.: Selangor.

Ruhana Zaki. (2011). *Kerana-Mu Aku Berubah*. Karya Bestari Sdn Bhd: Selangor.

Saat Sulaiman. (2007). *Remaja Positif*. Cetakan Pertama. Perpustakaan Negara Malaysia: Kuala Lumpur.

Salahuddin Abdullah & Umar Khalid. (2009). *Tafsir Mubin*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Syaikh Abu Bakar Jabir Al-Jazairi. (2010). *Tafsir Al-Quran Al-Aisar*. Darus Sunnah Press: Jakarta.

Syaikh Shafiyurrahman al-Mubarak Furi. (2011). *Tafsir Ibnu Katsir*. Pustaka Ibnu Katsir: Jakarta.

Yusof al-Qaradawi. (2012). *Astaghfirullah "AmpunanMu Ya Allah Aku Harapkan"*. Syabab Book Link: Selangor.